RINGKASAN HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

Program	Pengetahuan dan Kefahaman	Kemahiran Kognitif	Kemahiran Praktikal	Kemahiran Interpersonal	Kemahiran Komunikasi	Kemahiran Digital	Kemahiran Numerasi	Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab	Kemahiran Personal	Kemahiran Keusahawanan	Etika dan Profesionalisme	Kompetensi Kelestarian
	PLO1	PLO2	PLO3	PLO4	PLO5	PLO6	PLO7	PLO8	PLO9	PLO10	PLO11	PLO12
Persediaan Diploma Sains	12	2	8	3	3	2	2	2	3	2	2	8

1. Kursus / Courses (42 kredit / credits)

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A	PRASYARAT/ PREREQUISITE	(√) Jika lulus/ if passed
SLE0003	Bahasa Inggeris Asas I	3	3	0	Tiada/ None	
SLE0004	Bahasa Inggeris Asas II	3	3	0	Tiada/ None	
SFK0503	Komputer Asas I	2	1	1	Tiada/ None	
SFK0504	Komputer Asas II	2	1	1	Tiada/ None	
SFB0105	Biologi Asas I	4	3	1	Tiada/ None	
SFB0106	Biologi Asas II	4	3	1	Tiada/ None	
SFC0205	Kimia Asas I	4	3	1	Tiada/ None	
SFC0206	Kimia Asas II	4	3	1	Tiada/ None	
SFM0305	Matematik Asas I	4	4	0	Tiada/ None	

SFM0306	Matematik Asas II	4	4	0	Tiada/ None	
SFP0405	Fizik Asas I	4	3	1	Tiada/ None	
SFP0406	Fizik Asas II	4	3	1	Tiada/ None	

***Nota penting:** Pelajar perlu melengkapkan **42 kredit** di mana tempoh pengajian adalah 2 semester dan kredit bagi setiap semester adalah 21 kredit. Pelajar perlu memperoleh **sekurang-kurangnya PNGK 2.0** dan pelajar **tidak boleh gagal** untuk setiap kursus. Kegagalan memenuhi syarat ini akan menyebabkan pelajar diberi status Gagal dan Diberhentikan (GB) seterusnya tidak memenuhi syarat bagi menyambung pengajian ke peringkat Diploma di UPMS.

PELAN PENGAJIAN/ STUDY PLAN

TAHUN 1/ 1ST YEAR

SEMESTER 1/ 1ST SEMESTER

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A
SLE0003	Bahasa Inggeris Asas I	3	3	0
SFK0503	Komputer Asas I	2	1	1
SFB0105	Biologi Asas I	4	3	1
SFC0205	Kimia Asas I	4	3	1
SFM0305	Matematik Asas I	4	4	0
SFP0405	Fizik Asas I	4	3	1
JUMLAH /TOTAL		21	17	4

SEMESTER 2/ 2ND SEMESTER

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A
SLE0004	Bahasa Inggeris Asas II	3	3	0
SFK0504	Komputer Asas II	2	1	1
SFB0106	Biologi Asas II	4	3	1
SFC0206	Kimia Asas II	4	3	1
SFM0306	Matematik Asas II	4	4	0
SFP0406	Fizik Asas II	4	3	1
JUMLAH /TOTAL		21	17	4

***Nota penting:** Pelajar perlu melengkapkan **42 kredit** di mana tempoh pengajian adalah 2 semester dan kredit bagi setiap semester adalah 21 kredit. Pelajar perlu memperoleh **sekurang-kurangnya PNGK 2.0** dan pelajar **tidak boleh gagal** untuk setiap kursus. Kegagalan memenuhi syarat ini akan menyebabkan pelajar diberi status Gagal dan Diberhentikan (GB) seterusnya tidak memenuhi syarat bagi menyambung pengajian ke peringkat Diploma di UPMS.

SINOPSIS KURSUS

Mata Pelajaran Umum / Kursus Universiti

FAKULTI KEMANUSIAAN, PENGURUSAN DAN SAINS / FACULTY OF HUMANITIES, MANAGEMENT AND SCIENCE

FEM2404 Perlembagaan dan Masyarakat Berintegriti 2(2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memfokuskan konsep, sejarah, isu perlembagaan, integriti dan anti rasuah serta hubungan antara konsep perlembagaan, integriti dengan isu semasa. Kursus ini juga meliputi isu perlembagaan, integriti dan anti rasuah dalam konteks memantapkan nilai kewarganegaraan dan jati diri kebangsaan dalam masyarakat dan negara.

This course focuses on the concepts, history, constitutional issues, integrity and anti-corruption, as well as the relationship between the concepts of the constitution and integrity with current issues. The course also covers constitutional issues, integrity and anti-corruption in the context of strengthening citizenship values and national identity within society and the nation.

SCO2201 Asas Pengucapan Awam 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas pengucapan awam yang melibatkan perancangan, penyediaan ucapan dan teknik penyampaian. Penekanan diberikan kepada aspek komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan berdasarkan teknik penyampaian secara berkesan.

This course covers the basic concepts of public speaking which involves planning, preparing speeches and delivery techniques. Emphasis is given to aspects of verbal and non-verbal communication based on effective presentation techniques.

FEM2402 Nilai, Budaya dan Masyarakat Malaysia 2(2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas nilai, budaya, pengetahuan dan amalan hormat menghormati serta tata susila masyarakat di Malaysia. Kursus ini juga membincangkan isu semasa dan cabaran perbezaan budaya di era global.

This course encompasses the basic concepts of values, culture, knowledge and the practice of mutual respect as well as the decorum of Malaysian society. This course also discusses current issues and challenges of cultural diversities in the global era.

FAKULTI SAINS PERTANIAN DAN PERHUTANAN / FACULTY OF AGRICULTURAL AND FORESTRY SCIENCES

DAG2401 Pertanian dan Manusia 2(2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi evolusi pertanian daripada permulaan kepada masa kini sebagai aktiviti terancang untuk sekuriti makanan dan penjanaan kekayaan, didorong oleh kemajuan ekonomi serta teknologi secara lestari. Peranan dan impak pertanian moden terhadap penggunaan sumber dan pembangunan manusia yang mampan juga ditekankan.

This course encompasses the evolution of agriculture from the beginning to the present as a planned activity for food security and wealth creation driven by economic development and technology in a sustainable manner. The role and impact of modern agriculture on resource utilization and human sustainable development is also emphasised.

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi teknik penggunaan peralatan serta teknologi dalam amalan pertanian dan kaedah yang sesuai dalam pengurusan aktiviti pertanian mampan. Kemahiran pengurusan dan pemasaran hasil pertanian melalui amalan dan kesedaran pertanian yang baik turut ditekankan.

This course covers techniques for using equipment and technology in agricultural practices and identifying appropriate methods in managing sustainable agricultural activities. Management and marketing skills of agricultural produce via awareness and good agricultural practices are also emphasised.

PUSAT KEMAJUAN DAN KOMPETENSI BAHASA / CENTRE FOR THE ADVANCEMENT OF LANGUAGE COMPETENCE

LPE1100 Kemahiran Bahasa Inggeris Am

3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi kemahiran bahasa Inggeris am untuk kehidupan seharian yang merangkumi keupayaan memahami teks berbentuk linear dan bukan linear yang ringkas mengenai topik lazim, penggunaan ungkapan, kosa kata dan tatabahasa asas. Penulisan teks pendek serta penglibatan dalam perbualan turut dititikberatkan.

This course covers general English skills for daily usage which includes comprehension of simple linear and non-linear texts on familiar topics, use of common expressions, vocabulary and basic grammar in English. Writing short texts and engaging in conversations are also emphasised.

LPE1105 Bahasa Inggeris Asas

3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi kemahiran mendengar, membaca, bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris pada tahap fungsional. Keupayaan penggunaan ungkapan Bahasa dan tatabahasa yang sesuai dan penyampaian idea dengan jelas dalam perbincangan turut dititikberatkan.

This course covers the listening, reading, speaking, and writing skills in English to attain functional levels of the language. Students' abilities to comprehend various texts, to use appropriate language expressions and grammar, and to communicate ideas clearly in discussions are also emphasised.

Jabatan Sains dan Teknologi / Department Of Sains and Teknologi

ETC2102 Matematik Kejuruteraan / *Engineering Mathematics* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan asas matematik kejuruteraan merangkumi konsep algebra dan kalkulus. Ia menekankan teknik penyelesaian masalah matematik dalam sains dan teknologi.

This course introduces basic engineering mathematics encompassing the concept of algebra and calculus. It emphasized mathematical problem solving techniques in science and technology.

ETC2103 Matematik Gunaan / *Applied Mathematics* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan penggunaan teknik matematik dan aplikasinya dalam sains dan teknologi. Penekanan diberikan kepada penyelesaian masalah menggunakan persamaan pembezaan dan kamiran. Pengenalpastian masalah dalam sains dan teknologi dan penyelesaiannya menggunakan teknik matematik turut dibincangkan.

This course introduces the use of mathematical techniques and their applications in science and technology. Emphasis is placed on problem-solving using differential and integral equations. The identification of problems in science and technology and their solutions using mathematical techniques are also discussed.

ETC2104 Asas Bioklimatologi Tani / *Basic of Agriculture Bioclimatology* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep asas biologi tumbuhan dan interaksinya dengan elemen iklim serta persekitaran atmosfera. Penekanan diberikan kepada aspek agroklimatologi, pengurusan mikroklimat di lapangan, serta kesan perubahan iklim terhadap kelestarian pengeluaran makanan. Isu semasa yang melibatkan perubahan iklim global terhadap produktiviti pertanian turut dibincangkan.

This course introduces the fundamental concepts of plant biology and its interactions with climatic elements and the atmospheric environment. Emphasis is placed on agroklimatology, field microclimate management, and the impacts of climate change on the sustainability of food production. Current issues related to the effects of global climate change on agricultural productivity are also discussed.

ETC2105 Kimia Pengenalan / *Introductory Chemistry* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan prinsip dan tindak balas kimia fizik, organik dan tak organik daripada pelbagai sumber maklumat dan bukti saintifik. Penekanan diberikan kepada pelaksanaan uji kaji kimia menggunakan peralatan makmal dan bahan kimia serta analisis hasil dapatan eksperimen. Penghuraian isu alam sekitar yang berkaitan dengan aplikasi kimia melalui kerja kursus dan pembentangan lisan juga ditekankan.

This course discusses the principles and chemical reactions in physical, organic, and inorganic chemistry based on various sources of information and scientific evidence. Emphasizing the execution of chemical experiments using laboratory equipment and chemicals, as well as the analysis of experimental findings. Environmental issues related to chemical applications are also addressed through coursework and oral presentations.

ETC2106 Statik / *Statics* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep kejuruteraan berasaskan daya dalam keseimbangan. Penekanan diberikan terhadap pelbagai jenis daya yang banyak diaplikasi dalam mesin, struktur dan sistem.

This course introduces the concepts of engineering based on forces in equilibrium. Emphasis is given on different forces applied in machines, structures, and systems.

ETC2107 Dinamik / Dynamics 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mengajar pelajar untuk mengetahui dan menganalisis sifat dinamik objek dan sistem, pergerakan dan daya berseketu, dan memahami sistem mekanikal yang mewakili amalan kejuruteraan. Pelajar juga akan menganalisis mekanisme kinematik, memahami kilasan dan momentum sudut bagi badan tegar dalam putaran. Akhirnya pelajar akan menghasilkan persamaan untuk pelbagai sistem mekanikal, menyelesaikannya dan mentafsirkan hasil.

This course teaches students to identify and analyze the dynamic properties of objects and systems, their motion and associated forces, and to understand mechanical systems that represent engineering practices. Students will also analyze kinematic mechanisms and understand torque and angular momentum for rigid bodies in rotation. Finally, students will derive equations for various mechanical systems, solve them, and interpret the results.

ETC2201 Bengkel Kejuruteraan / Engineering Workshop 1(0+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi proses kimpalan yang bermula dengan kerja mengukur dan memotong besi sehinggalah menyambung besi bagi menghasilkan produk kimpalan yang mempunyai nilai kebolehpasaran. Kursus ini juga memberi penekanan kepada operasi dan pengurusan bengkel serta kerja pembaikan dan penyelenggaraan.

This course covers welding process that begins with measuring and cutting of steel until the connection of steel to produce welding products that have marketable values. This course also emphasize on the operating and management of a workshop as well as repair and maintenance works.

ETC2202 Pengenalan Kepada Lukisan Kejuruteraan / Introduction to Engineering Drawing 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membina kemahiran asas dalam penggunaan alatan melukis kepada pelajar. Penggunaan perisian AUTOCAD dalam 2D dan 3D turut diperkenalkan bagi menyampaikan idea, maklumat dan arahan dengan tepat untuk lakaran sistem kejuruteraan.

This course builds basic skills in the use of drawing tools for students. The uses of AUTOCAD software in 2D and 3D are also introduced to convey ideas, information and instructions accurately for engineering system sketches.

ETC2203 Ukur Kejuruteraan / Engineering Surveying 3(2+1)

Prasyarat :

Kursus ini merangkum teknik pengukuran kejuruteraan di tapak lapangan. Penggunaan alatan pengukuran dan teknologi moden seperti GPS dan GIS turut diperkenalkan mengikut perkembangan semasa.

This course covers field site engineering measurement techniques. The use of modern measurement tools and technologies such as GPS and GIS are also introduced according to current developments.

ETC2204 Pengenalan Kepada Struktur Ladang / Introduction to Farm Structure 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi perancangan dan reka bentuk pusat ladang yang melibatkan bangunan, jalan dan sistem perparitan menggunakan bahan seperti konkrit, kayu dan keluli dengan menekankan analisis hubungan antara komponen infrastruktur ladang secara holistik. Hasil reka bentuk dinilai secara kritis berdasarkan kesesuaian bahan, fungsi, keselamatan dan impaknya terhadap kelestarian sebelum dibentangkan dalam seminar.

This course covers farmstead planning and structural design involving buildings, roads and drainage systems using materials such as concrete, timber and steel, with emphasis on analysing the interrelationships among farm infrastructure components holistically. Design outputs are critically evaluated based on material suitability, functionality, safety and sustainability impacts before being presented in a seminar.

ETC2205 Mekanik Bendalir / *Fluid Mechanics* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas bendalir dan tekanan bendalir. Prinsip pergerakan bendalir, persamaan momentum, aliran laminar, aliran gelora dan lapisan sempadan diberi penekanan.

This course covers fundamental concepts of fluids and fluid pressure. Principles of fluid flow, momentum equation, laminar flow, turbulent flow and boundary layers are emphasised.

ETC2206 Termodinamik / *Thermodynamics* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan ilmu termodinamik dan aplikasinya dalam kejuruteraan. Penekanan diberikan kepada kemahiran asas menganalisis dan menyelesaikan masalah berkaitan termodinamik.

This course introduces the principles of thermodynamics and their engineering applications. It emphasizes fundamental skills for analyzing and resolving thermodynamic-related problems.

ETC2207 Kekuatan Bahan / *Strength of Materials* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep dan prinsip asas dalam kekuatan bahan yang menekankan kefahaman terhadap tindak balas bahan apabila dikenakan pelbagai bentuk beban. Penekanan diberikan kepada pemahaman tingkah laku mekanikal bahan, had keupayaan struktur, serta faktor-faktor yang mempengaruhi kegagalan dalam aplikasi kejuruteraan.

This course introduces the fundamental concepts and principles of strength of materials, emphasizing the understanding of material behavior when subjected to various types of loading. Emphasis is placed on the mechanical behavior of materials, structural capacity limits, and the factors influencing failure in engineering applications.

ETC2301 Teknologi Elektrik dan Elektronik / *Electrical and Electronic Technology* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi penggunaan komponen elektrik dan elektronik dalam mesin, khususnya di bidang kejuruteraan pertanian. Pemahaman berkaitan arus, kuasa dan voltan turut diberi penekanan. Amalan penggunaan tenaga yang cekap dan mesra alam, selaras dengan prinsip kelestarian dalam pembangunan sistem kejuruteraan pertanian juga ditekankan.

This course covers the use of electrical and electronic components in machines, especially in the field of agricultural engineering. Understanding of current, power and voltage is also emphasized. Efficient and environmentally friendly energy use practices, in line with the principles of sustainability in the development of agricultural engineering systems, are also emphasized.

ETC2302 Sistem Pintar dan Automasi Pertanian / *Smart System and Agricultural Automation* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep pengautomatan berprogram menggunakan teknologi penderia, sistem kawalan (PLC) dan litar elektrik untuk aplikasi pertanian moden.

This course introduces the concept of programmatic automation using sensor technology, control system (PLC) and electrical circuit for modern agricultural applications.

ETC2401 Teknologi Pengairan dan Penyaliran / *Irrigation and Drainage Technology* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menekankan keperluan pengairan di dalam ladang. Rekabentuk, jenis dan sistem pengairan yang bersesuaian diperkenalkan merangkumi jenis pam dan sistem pemercik yang melibatkan pelbagai jenis tanaman dan ladang.

This course emphasises irrigation requirements in agricultural fields. The design, types, and appropriate irrigation systems are introduced, including pumps and sprinkler systems for various crops and farm conditions.

ETC2501 Teknologi Pemprosesan Hasil Tanaman / *Crop Processing Technology* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip dan amalan dalam teknologi pemprosesan hasil tanaman. Pemprosesan hasil tanaman komoditi di Malaysia seperti kelapa sawit, getah dan lain-lain serta pengendalian sisa pemprosesan hasil tanaman turut dititikberatkan.

This course covers principles and practices in crop processing technology. Processing of commodity crops in Malaysia such as palm oil, rubber and others as well as handling of crop processing waste is also emphasized.

ETC2601 Jentera Pertanian dan Penjenteraan / *Agricultural Machinery and Mechanisation* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi reka bentuk jentera, alat dan penggunaannya untuk kerja ladang bermula daripada pembukaan kawasan sehingga pemungutan dan pengangkutan hasil ladang. Penumpuan diberikan kepada analisis kesesuaian teknologi mekanisasi ladang serta impaknya terhadap ekonomi, kesihatan, keselamatan, dan kelestarian dalam pengeluaran makanan. Pengurusan jentera dan peralatan ladang dalam penyediaan rancangan perniagaan pengeluaran pertanian turut ditekankan.

This course covers the design of farm machinery, implements and their use in farm work from land clearing to collection and transportation of farm produce. The focus is on analyzing the suitability of farm mechanization technologies and their impacts on the economy, health, safety, and sustainability in food production. Farm machinery and implement management in the preparation of a business plan for agricultural production is also emphasized.

ETC2801 Pengurusan Ladang / *Farm Management* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip, konsep dan teknik pengurusan ladang dengan menekankan proses perancangan, analisis kewangan, kajian ladang, pelaksanaan dan kawalan projek dari segi belanjawan kewangan serta ciri dan budaya keusahawantani.

This course covers the principle, concept and technique of farm management with emphasis on planning process, financial analysis, farm research and project implementation and control in terms of financial budgeting, characteristic and culture of agripreneurial.

ETC2802 Pengenalan Kepada Ekonomi Pertanian / *Introduction to Agricultural Economics* 2(2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan prinsip asas ekonomi merangkumi konteks mikro dan makro. Isu semasa dan pendekatan ekonomi untuk memahami keseimbangan dan pengagihan sumber dalam konteks pembangunan mampan dan kesejahteraan masyarakat ditekankan.

This course introduces the basic principles of economics, covering both micro and macroeconomic contexts. It emphasizes current issues and economic approaches to understanding the balance and allocation of resources within the framework of sustainable development and societal well-being.

ETC2901 Projek Akhir / Final Project 6(0+6)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menggalakkan pelajar merancang, merekabentuk dan melaksanakan projek mini berkaitan kejuruteraan pertanian. Pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari diadaptasi dalam menyelesaikan tugas, penulisan dan pembentangan laporan akhir projek.

This course encourages students to plan, design, and implement a mini project related to agricultural engineering. The knowledge and skills acquired throughout the programme are applied in completing the project tasks, preparing the written report, and delivering the final project presentation.

ETC2902 Latihan Industri / Industrial Training 0(0+12)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi latihan industri selama 24 minggu di agensi kerajaan atau beberapa syarikat atau kilang industri yang terpilih. Latihan dikendalikan bersama oleh penyelaras dan seorang penyelia atau pengurus dari agensi atau syarikat atau kilang tersebut.

This course involves a 24-week industrial training attachment at selected government agencies, companies, or industrial plants. The training is jointly supervised by the course coordinator and a designated supervisor or manager from the respective organisation.

ECS0101 Prinsip Matematik Tambahan / Principles of Additional Mathematics 3(3+0)

****Nota Penting/ Important Note:** Bagi pelajar yang menerima tawaran kemasukan bersyarat sahaja (tidak dikira sebagai kredit bergraduasi). Pelajar diwajibkan **LULUS** Kursus ECS0101 Prinsip Matematik Tambahan pada Semester Pertama sebagai syarat untuk meneruskan pengajian ke Semester Kedua dan berikutnya. Kegagalan memenuhi syarat ini akan menyebabkan pelajar diberi status Gagal dan Diberhentikan (GB)/ *For students who receive conditional admission offers only (not counted as graduate credits). Students are required to **PASS** the ECS0101 Principles of Additional Mathematics Course in the First Semester as a condition to continue their studies to the Second Semester and subsequent semesters. Failure to meet this requirement will result in students being given Failed and Dismissed (GB) status.*

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi konsep teras matematik tambahan yang diperlukan dalam pengajian sains komputer. Ia merangkumi unsur penting dalam algebra, geometri, kalkulus, trigonometri dan statistik.

This course covers the core concepts of additional mathematics that are needed in the study of computer science. It includes important elements in algebra, geometry, calculus, trigonometry, and statistics.

CST1101 Asas Pengaturcaraan / Fundamental of Programming 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan asas pengaturcaraan komputer dengan penekanan kepada konsep penyelesaian masalah, organisasi komputer dan pembinaan atur cara secara sistematik. Pelajar akan didedahkan kepada teknik pengaturcaraan yang merangkumi kenyataan kawalan, metod, tatasusunan serta pengendalian fail input dan output. Kursus ini menekankan pengekodan atur cara yang tersusun dan cekap bagi menyelesaikan masalah pengkomputeran asas.

This course introduces the fundamentals of computer programming with an emphasis on problem-solving concepts, computer organization, and the systematic construction of programs. Students will be exposed to programming techniques involving control statements, methods, arrays, as well as input and output file handling. The course emphasizes the execution of well-structured and efficient program code to address fundamental computational problems

CST1201 Pengenalan Kepada Struktur Diskret / Introduction To Discrete Structures 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas daripada matematik diskret yang diperlukan dalam pengajian sains komputer. Unsur penting dalam teori set, logik, induksi matematik, kombinatorik, fungsi, hubungan dan teori graf juga dibincangkan.

This course covers the basic concepts of discrete mathematics needed in the study of computer science. Important elements in set theory, logic, mathematical induction, combinatorics, functions, relations and graph theory are also discussed.

CST1203 Matematik Untuk Sains Komputer / *Mathematics For Computer Science* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi elemen kritikal algebra, dan mendalami prinsip kalkulus. Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan asas matematik yang diperlukan untuk pembelajaran lanjutan dan aplikasi dalam sains komputer, memupuk pemikiran analitikal dan kemahiran menyelesaikan masalah yang penting untuk bidang tersebut.

This course covers critical elements of algebra, and delve into the principles of calculus. The course aims to equip students with the basics mathematics necessary for advanced studies and applications in computer science, fostering analytical thinking and problem-solving skills crucial for the field

CST2601 Seminar Teknologi / *Technology Seminar* 1(1+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi perkembangan terkini sains komputer dan teknologi maklumat. Ia termasuk perkembangan tentang perkakasan, perisian, aplikasi serta trend teknologi semasa yang berkait rapat dengan bidang sains komputer dan teknologi maklumat.

This course covers critical elements of algebra, and delve into the principles of calculus. The course aims to equip students with the basics mathematics necessary for advanced studies and applications in computer science, fostering analytical thinking and problem-solving skills crucial for the field

CST2101 Asas Multimedia / *Multimedia Fundamentals* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan konsep asas dan teknologi multimedia serta kaedah untuk membangunkan dan memanipulasi elemen multimedia. Pendedahan kepada perisian tertentu untuk membangunkan aplikasi multimedia asas diberi penekanan.

This course discusses the basic concepts and technology of multimedia, as well as methods for developing and manipulating multimedia elements. Exposure to certain software to develop basic multimedia applications are emphasised.

CST1301 Organisasi Komputer Dan Bahasa Himpunan / *Computer Organization and Assembly Language* 3(2+1)

Prasyarat : CST1101

Kursus ini meliputi pengenalan kepada organisasi komputer, asas pembinaan komputer digital dan juga bahasa himpunan. Ia merangkumi komponen-komponen utama komputer dan hubungan antaranya. Bahasa Himpunan digunakan bagi mengilustrasi peranan dan interaksi antara komponen utama komputer.

This course covers the introduction to computer organization, basic development of digital computers and also the assembly language. It includes main computer components and their inter-relationship. The assembly language is used to illustrate the functions and interactions between the main computer components.)

CST1202 Statistik Permulaan Bagi Sains Komputer / *Elementary Statistics for Computer Sciences* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas statistik dan kaedah statistik untuk menganalisis data dan membuat inferens. Ia meliputi penggunaan kaedah yang sesuai dalam analisis, membuat keputusan, dan membuat tafsiran menggunakan istilah statistik. Penyelesaian masalah dalam sains komputer diberi penekanan.

This course covers the fundamental concepts of statistics and statistical methods to analyze data and make inferences. It encompasses the use of appropriate methods in analysis, makes decisions and interpretation using statistical terms. Solving problems in computer science is emphasized.

CST2602 Etika Dalam Pengkomputeran / *Ethics in Computing* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pengetahuan mengenai etika dalam pengkomputeran dan hubungannya dengan teknologi maklumat. Penekanan juga diberikan kepada kepentingannya terhadap semua lapisan pengguna komputer seperti para profesional dan pengguna akhir.

This course covers the knowledge of ethics in computing and its relation to information technology. Emphasis also be given to its importance to all levels of computer users such as professionals and end users.

CST2401 Pengenalan Kepada Pembangunan Permainan Komputer / *(Introduction To Computer Game Development* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas pengaturcaraan dan penghasilan permainan menggunakan enjin permainan komputer. Ia termasuk penghasilan antara muka permainan, karektor bukan-pemain, jujukan permainan dan Kecerdasan Buatan.

This course covers the basic concepts of programming and creating games using a computer game engine. It includes the creation of game interface, non-player character, game sequences and Artificial Intelligence.

CST2501 Pengaturcaraan Berorientasikan Objek / *Object-oriented Programming* 3(2+1)

Prasyarat : CST1101

Kursus ini meliputi teknik pengaturcaraan berorientasikan objek. Konsep perwarisan dan polimorfisma di dalam pengaturcaraan event-driven, dan pengaturcaraan antara muka pengguna bergrafik dibincangkan.

This course covers the object-oriented programming technique. Inheritance and polymorphism concepts in the event-driven programming, and graphical user interface programming are discussed.

CST2302 Struktur Data / *Data Structure* 3(2+1)

Prasyarat : CST2501

Kursus ini merangkumi konsep penyimpanan data pada ingatan komputer. Analisis algoritma yang mengolah data tersebut dengan tujuan untuk menentukan kecekapannya diberi penekanan.

This course covers the concept of storing data in the computer memory. Analysis of the algorithms that manipulate the data in order to determine the efficiency are emphasized.

CST2701 Rangkaian Komputer / *Computer Network* 3(2+1)

Prasyarat : CST1301

Kursus ini meliputi konsep asas dalam komunikasi komputer dan piawaian model perangkaian. Penekanan diberikan kepada pelbagai isu dalam komunikasi komputer dan model perangkaian yang piawai dianalisis secara kritikal. Kursus ini turut mengupas cabaran kontemporari dan membincangkan senario masa hadapan, serta keterhubungan sistemik teknologi rangkaian dalam konteks pembangunan mampan.

This course covers the basic concepts of computer communications and the networking standard model. Emphasis is placed on analysing various issues in computer communications and standard network models. The course also explores contemporary challenges and considers future scenarios and the systemic interconnectedness of networking technologies in the context of sustainable development.

CST2301 Sistem Pengoperasian / *Operating System* 3(3+0)

Prasyarat : CST1301

Kursus ini meliputi asas sistem pengoperasian. Fungsi dan pengurusan komponen utama sistem pengoperasian moden dibincangkan.

This course covers the fundamentals of operating systems. The functions and management of major components of a modern operating system are discussed.

CST2502 Pengenalan Kepada Pangkalan Data / *Introduction to Database* 3(2+1)

Prasyarat : CST2501

Kursus ini meliputi pengenalan kepada pembangunan aplikasi pangkalan data. Reka bentuk pangkalan data, manipulasi bahasa pertanyaan serta pengaturcaraan pangkalan data dibincangkan.

This course covers the development of database applications. Database design, query language manipulation, as well as database programming are discussed.)

CST2603 Analisis Dan Reka Bentuk Sistem Berorientasikan Objek / *Object-Oriented System Analysis and Design* 3(2+1)

Prasyarat : CST1101

Kursus ini merangkumi konsep analisis berorientasikan objek dan reka bentuk sistem. Ia mengandungi Model dan fasa-fasa yang terlibat dalam analisis berorientasikan objek dan reka bentuk berorientasikan objek turut dibincangkan.

This course covers the concepts of object-oriented analysis and system design. It includes models and phases involved in the object-oriented analysis and object oriented design are also discussed.

CST2702 Pengenalan Kepada Internet Benda / *Introduction to Internet of Things* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi aspek teknikal yang digunakan dalam pembangunan, pemprosesan dan pengurusan Internet benda (IoT). Perkhidmatan dan implikasi terhadap masyarakat juga dibincangkan.

This course covers the technical aspects used in the development, processing and management of the Internet of Things (IoT). Services, security and implications for society are also discussed.

CST2703 Pengenalan Kepada Keselamatan Komputer / *Introduction to Computer Security* 3(3+0)

Prasyarat : CST2301

Kursus ini merangkumi konsep dan prinsip asas keselamatan rangkaian termasuk teori maklumat, teori nombor dan teori kekompleksan. Algoritma seperti proses penyulitan dan kriptografi digunakan.

This course covers basic concepts and principles of network security including information theory, number theory and complexity theory. Algorithms such as the process of encryption and cryptography are used.

CST2503 Pengaturcaraan Web / *Web Programming* 3(2+1)

Prasyarat : CST2502

Kursus ini merangkumi konsep asas teknologi web dan pembangunan aplikasi web. Bahasa pengaturcaraan web, rangka kerja pembangunan web serta asas pengurusan aplikasi web dibincangkan.

This course covers the fundamental concepts of web technology and web applications development. Web programming language, web development frameworks as well as basic web management are discussed.

CST2402 Pembangunan Aplikasi Mudah Alih / *Mobile Application Development* 3(2+1)

Prasyarat : CST2501

Kursus ini merangkumi konsep, teknik, kerangka dan kaedah terkini dalam pembangunan aplikasi mudah alih merentasi pelbagai pelantar dengan satu kod tunggal. Teknologi peranti mudah alih, kekangan reka bentuk dan peluang serta pilihan teknologi yang bersesuaian juga turut dibincangkan.

This course covers the latest concepts, techniques, framework and methods in mobile application development across multiple platforms with a single codebase. Mobile devices technology, design constraints and opportunities as well as suitable technology options are also discussed.

CST2604 Kecerdasan Buatan / Artificial Intelligence 3(3+0)

Prasyarat : CST2302

Kursus ini merangkumi konsep dan teknik kecerdasan buatan. Teknik pemodelan pengetahuan, gelintaran, pemrosesan bahasa tabii, pembelajaran mesin dan pengkomputeran evolusi dibincangkan termasuk penggunaannya dalam industri.

This course covers artificial intelligence concepts and techniques. Techniques on knowledge modeling, searching, natural language processing, machine learning and evolutionary computation are discussed including their usage in industry.)

CST2303 Kejuruteraan Perisian / Software Engineering 3(3+0)

Prasyarat : CST2501

Kursus ini merangkumi pengetahuan asas dan kemahiran dalam kejuruteraan perisian. Prinsip dan kaedah kejuruteraan perisian, termasuklah alatan dan amalan kejuruteraan perisian terkini dibincangkan. Teknik-teknik analisis keperluan, reka bentuk, pelaksanaan dan pengujian dititikberatkan.

This course covers the foundation knowledge and skills in software engineering. Software engineering principles and methods including emerging software engineering practices and tools are discussed. Requirement analysis, design, implementation, and testing techniques are emphasised.

CST2901 Latihan Industri / (Industrial Training) 12(0+12)

Prasyarat : Tiada

Melalui kursus ini, pelajar didedahkan kepada persekitaran kerja yang sebenar di industri/organisasi. Latihan merangkumi aplikasi aspek teori dan praktikal yang telah dipelajari dengan amalan semasa di tempat kerja. Kemahiran menyelesaikan masalah dan komunikasi turut diberi penekanan.

In this course, students are exposed to real working environment in industries/organizations. Training includes application of the theoretical and practical aspects that have been studied with current practices in the workplace. Problem solving and communication skills are also emphasized.

CST2900 Projek Tahun Akhir / Project 4(0+4)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menggalakkan pelajar merancang, merekabentuk dan melaksanakan projek mini berkaitan sains komputer. Pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari diadaptasi dalam menyelesaikan tugas, penulisan dan pembentangan laporan akhir projek.

This course encourages students to plan, design, and execute computer science-related mini-projects. The knowledge and skills that have been learned are adapted in completing tasks, writing and presenting the final report of the project.

SLE0003 Bahasa Inggeris Asas I / Fundamental English I 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi kemahiran asas dalam tatabahasa Bahasa Inggeris, penulisan perenggan dan pemahaman bahan bacaan asas. Pembinaan ayat mudah, menulis perenggan yang tersusun, serta menerangkan isi utama teks secara lisan juga ditekankan.

This course covers basic skills in English grammar, paragraph writing, and comprehension of simple reading texts. Construction of simple sentences, write structured paragraphs, and explain key ideas orally are also emphasised.

SLE0004 Bahasa Inggeris Asas II / Fundamental English II 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membina strategi asas membaca dan mendengar serta kemahiran komunikasi lisan harian yang berkesan. Pelajar turut menerangkan idea secara lisan menggunakan kosa kata asas dengan kesedaran nilai kelestarian.

This course develops fundamental strategies for reading and listening, alongside effective daily speaking skills. Students demonstrate oral expression using basic vocabulary with an awareness of sustainability values.

SFK0503 Komputer Asas I / *Basic Computer I*

2(1+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan kemahiran asas dalam penggunaan teknologi maklumat secara beretika dan berkesan. Penekanan diberikan kepada komunikasi digital, pemikiran sistemik, dan celik teknologi untuk menyokong pembelajaran sepanjang hayat.

This course introduces essential skills in the ethical and effective use of information technology. Emphasis is placed on digital communication, systems thinking, and technological literacy to support lifelong learning.

SFK0504 Komputer Asas II / *Basic Computer II*

2(1+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan tentang perisian aplikasi produktiviti dan komunikasi. Penekanan diberikan kepada pelbagai teknik pencarian maklumat dalam talian dan penggunaan aplikasi media sosial secara beretika.

This course introduces the productivity and communication application softwares. Emphasis is on the various technique in searching for information online as well as ethics in using the social media applications.

SFB0105 Biologi Asas I / *Basic Biology I*

4(3+1)

Prasyarat : Tiada

Struktur asas biologi sel dan molekul, struktur haiwan dan tumbuhan serta fungsinya diperjelaskan. Faktor ekologi mampan turut dibincangkan dengan penekanan kepada kesan aktiviti manusia dan kepentingan kelestarian alam.

This course covers the principles and concepts of basic biology. The basic structure of cells and biological molecules, as well as the structures and functions of animals and plants, are explained. Sustainable ecological factors are discussed with emphasis on the impact of human activities and the importance of environmental sustainability.

SFB0106 Biologi Asas II / *Basic Biology II*

4(3+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan kepelbagaian organisma dan ciri yang digunakan untuk pengelasan organisma. Kepentingan ekonomi organisma daripada pelbagai alam juga turut dihurai.

This course introduces organism biodiversity and characteristics used in the classification of organisms. Economic significance of organisms from different various worlds are also elaborated

SFC0205 Kimia Asas I / *Basic Chemistry I*

2(1+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan asas kimia fizik, tak organik dan organik, termasuk pengiraan tindak balas yang melibatkan larutan dan gas. Penekanan diberikan kepada penggunaan jadual berkala dalam pembentukan sebatian serta kumpulan berfungsi dan lukisan struktur dalam kimia organik. Konsep keseimbangan kimia, termasuk tindak balas ke depan dan boleh balik, turut dibincangkan dalam kursus ini.

This course introduces the fundamentals of physical, inorganic, and organic chemistry, including reaction calculations involving solutions and gases. It emphasizes the use of the periodic table in compound formation, as well as functional groups and structural representation in organic chemistry. Chemical equilibrium, including forward and reversible reactions, is also covered.

SFC0206 Kimia Asas II / Basic Chemistry II 2(1+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan asas kimia fizik, tak organik dan organik. Penerangan diberikan tentang pengiraan tindak balas melibatkan larutan dan gas. Penggunaan jadual berkala ditekankan menerusi pembentukan sebatian. Kumpulan berfungsi serta cara melukis struktur dalam kimia organik juga ditekankan. Keseimbangan dalam tindak balas kimia merangkumi tindak balas ke depan dan ke belakang (tindak balas berbalik) turut dibincangkan dalam topik ini.

This course introduces the basic of physical, inorganic and organic chemistries. Explanation on reaction calculations involving solutions and gases are given. Utilisation of the periodic table is emphasized through compound formation. Functional groups and ways to draw structures in organic chemistry are also emphasized. Equilibrium in chemical reactions involving forward and reverse reactions (reversible reactions) is also discussed in this topic.

SFM0305 Matematik Asas I / Basic Mathematics I 4(4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep asas aljabar dan kalkulus. Fungsi matematik berlainan yang penting dalam mengukuhkan pemahaman teori asas aljabar dan kalkulus adalah ditekankan.

This course introduces the basic concepts of algebra and calculus. Different mathematical functions which are important in strengthening the understanding on basic theories of algebra and calculus are emphasised.

SFM0306 Matematik Asas II / Basic Mathematics II 4(4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep aljabar dan kalkulus serta penggunaannya. Penekanan adalah kepada teknik penyelesaian masalah menggunakan teori aljabar dan kalkulus.

This course introduces the concept of algebra dan calculus and their applications. Emphasis is on problem solving technique using algebra and calculus theories.

SFP0405 Fizik Asas I / Basic Physics I 4(3+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep penggunaan unit asas fizik. Penyelesaian masalah berkaitan hukum asas fizik menggunakan pengiraan adalah ditekankan.

This course introduces the concept of using basic physic units. Problem solving related to basic physic law through calculations is emphasised.

SFP0406 Fizik Asas II / Basic Physics II 4(3+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan teori asas fizik, kesan magnet dan radioaktif. Penekanan diberikan kepada kaedah pengiraan untuk menyelesaikan masalah berkaitan fizik.

This course introduces the basic theory physics, magnetic and radioactive effects. Emphasis is on calculation methods to solve problems related to physics.

Jabatan Sains Sosial dan Pengurusan / Department of Social Science and Management

SAB2001 Pengenalan kepada Perniagaantani / *Introduction to Agribusiness* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan konsep dan pendekatan keusahawanan tani sebagai pemacu kesejahteraan sosioekonomi komuniti luar bandar. Penekanan diberikan kepada pembangunan idea perniagaan berdasarkan potensi setempat secara inklusif dan berpaksikan tanggungjawab sosial. Pelajar turut didedahkan kepada pelbagai sudut pandang dan faktor risiko untuk membina keupayaan berfikir secara kritis dalam konteks perubahan persekitaran. *This course discusses the concepts and approaches of agro-entrepreneurship as a driver of socioeconomic well-being in rural communities. Emphasis is placed on developing business ideas based on local potential through inclusive practices and anchored in social responsibility. Students are also exposed to multiple perspectives and risk factors to build critical thinking capacity in navigating dynamic environments.*

SAB2010 Komunikasi Perniagaantani / *Agribusiness Communication* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi fungsi dan kepentingan komunikasi dalam konteks perniagaantani. Penekanan diberikan kepada prinsip, strategi dan teknik komunikasi yang berkesan dalam pengurusan, pemasaran produk agromakanan serta interaksi dengan pelanggan dan rakan niaga bagi mencapai matlamat organisasi. *This course covers the functions and importance of communication in the context of agribusiness. Emphasis is placed on effective communication principles, strategies and techniques in management, marketing of agri-food products, and interactions with customers and business partners to achieve organisational goals.*

SMG2101 Prinsip Pengurusan/ *Principles of Management* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan prinsip asas pengurusan dalam konteks perniagaantani dengan penekanan kepada fungsi perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan dalam organisasi perniagaantani bagi mencapai matlamat perniagaan secara cekap dan berkesan. *This course introduces the basic principles of management in the context of agribusiness, with emphasis on the functions of planning, organizing, leading and controlling in agribusiness organizations to achieve business goals efficiently and effectively.*

SAB2102 Pengurusan Perniagaan Ladang / *Business Farm Management* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip, konsep dan teknik pengurusan perniagaan ladang termasuk aspek operasi dan belanjawan. Ia meliputi analisis, penilaian dan pembuatan keputusan berkaitan pengurusan perniagaan ladang. Penekanan diberikan kepada perancangan belanjawan kewangan serta pembentukan budaya keusahawantani. *This course covers the principles, concepts and techniques of farm business management, including operational and budgeting aspects. It involves analysis, evaluation and decision making related to farm business management. Emphasis is given to financial budgeting and the development of agro-entrepreneurial culture.*

SAB2201 Keusahawanan Tani / *Agricultural Entrepreneurship* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan konsep dan pendekatan keusahawanan tani sebagai pemacu kesejahteraan sosioekonomi komuniti luar bandar. Penekanan diberikan kepada pembangunan idea perniagaan berdasarkan potensi setempat secara inklusif dan berpaksikan tanggungjawab sosial. Pelajar turut didedahkan kepada pelbagai sudut pandang dan faktor risiko untuk membina keupayaan berfikir secara kritis dalam konteks perubahan persekitaran. *This course discusses the concepts and approaches of agro-entrepreneurship as a driver of*

socioeconomic well-being in rural communities. Emphasis is placed on developing business ideas based on local potential through inclusive practices and anchored in social responsibility. Students are also exposed to multiple perspectives and risk factors to build critical thinking capacity in navigating dynamic environments.

SAB2202 Perancangan dan Pengurusan Projek Perniagaantani / *Agribusiness Project Planning and Management* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memfokuskan kepada perancangan dan pengurusan projek. Ianya meliputi anggaran tempoh projek, penjadualan dan kos yang terlibat. Impak perancangan dan pengurusan yang berkesan ke atas pelaksanaan projek akan turut dibincangkan. *This course focuses on planning and management of projects. It covers the estimation of project duration, schedule and cost involved. Impact of effective planning and organisation on project implementation will also be discussed.*

SAB2301 Pemasaran Perniagaantani / *Agribusiness Marketing* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan strategi pemasaran perniagaantani yang mengambil kira faktor persekitaran dan cabaran penggunaan sumber pertanian secara lestari. Penekanan diberikan kepada kecekapan sumber, ekonomi kitaran, serta penggunaan bertanggungjawab dalam membangunkan strategi pemasaran yang mampan. Pelajar turut didedahkan kepada penyelesaian sistematik dan analisis senario masa hadapan dalam usaha mengurangkan kerugian dan pembaziran sepanjang rangkaian bekalan makanan. *This course discusses agribusiness marketing strategies that consider environmental factors and the challenges of sustainable agricultural resource use. Emphasis is placed on resource efficiency, circular economy practices, and responsible consumption in the development of sustainable marketing approaches. Students are also exposed to systematic solutions and future scenario analyses aimed at reducing losses and waste across the food supply chain.*

SAB2302 Pemasaran Digital Perniagaantani / *Agribusiness Digital Marketing* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan integrasi teknologi digital dalam sektor agromakanan. Pelajar akan mempelajari strategi pemasaran melalui pelbagai platform digital, teknik penghasilan kandungan kreatif bagi produk tani, serta kempen atas talian yang efektif. Kursus ini turut menekankan aspek etika dalam pemasaran digital. *This course discusses the integration of digital technologies in the agri-food sector. Students will learn marketing strategies through various digital platforms, creative content production techniques for agricultural products, and effective online campaigns. This course also emphasises the ethical aspects of digital marketing.*

SAB2501 Pengurusan Kewangan Perniagaantani / *Agribusiness Financial Management* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas pengurusan kewangan dalam konteks perniagaantani. Penekanan diberikan kepada nilai masa wang, risiko dan pulangan, kos modal serta teknik belanjawan modal dalam membuat keputusan kewangan bagi mengurus sumber kewangan organisasi secara berkesan. *This course covers the basic concepts of financial management in the context of agribusiness. Emphasis is given to the time value of money, risk and return, cost of capital and capital budgeting techniques in making financial decisions to manage organisational financial resources effectively.*

SAB2511 Prinsip Perakaunan / *Principles of Accounting* 4(3+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkum elemen penting prinsip perakaunan dan maklumat perakaunan kewangan dalam perniagaan. Perakaunan akhir tempoh, perbandingan penyata kewangan antara industri, dan pengenalan kepada penggunaan, analisis dan interpretasi penyata kewangan adalah ditekankan. *This course encompasses important elements of accounting principles and financial accounting information in business. Year-end accounting, comparison of financial statements among industries, and introduction to uses, analysis and interpretation of financial statement are emphasised.*

SAB2512 Perakaunan Pengurusan/ *Management Accounting* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkum konsep asas dan teori dalam perakaunan pengurusan. Konsep kos, margin keuntungan dan belanjawan untuk pembuatan keputusan perniagaan adalah ditekankan. *This course encompasses basic concepts and theories of management accounting. The cost concepts, profit margin and budgeting for business decision making are emphasized.*

SAB2610 Ekonomi Perniagaantani / *Agribusiness Economics* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan prinsip asas ekonomi dalam konteks perniagaantani dengan menekankan konsep mikro dan makroekonomi yang berkaitan dengan pengeluaran, penggunaan dan pengagihan sumber dalam sektor agromakanan. *This course introduces the basic principles of economics in the context of agribusiness, emphasizing micro and macroeconomic concepts related to production, consumption and resource allocation within the agri-food sector.*

SAB2611 Matematik Perniagaan / *Business Mathematics* 4(4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan aplikasi matematik yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah perniagaan secara bebas. Kaedah matematik asas dalam menyelesaikan masalah kewangan dan ekonomi dalam perniagaan diberi penekanan. *This course introduces students to the mathematical concepts and applications necessary in independently solving business problems. Basic mathematical methods in solving problems finance and economics in business are emphasised.*

SAB2612 Analitik Perniagaantani / *Agribusiness Analytics* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep asas, alat dan aplikasi analitik dalam konteks perniagaantani. Penekanan diberikan kepada pengumpulan, pengurusan dan pentafsiran data bagi menyokong pembuatan keputusan dalam organisasi perniagaantani. *This course introduces the basic concepts, tools and applications of analytics in the context of agribusiness. Emphasis is placed on the collection, management and interpretation of data to support decision-making in agribusiness organizations.*

SAB2710 Perniagaantani dan Komuniti / *Business and Community* 3(2+1)

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi perancangan, pelaksanaan dan penilaian program pengembangan perniagaantani yang berasaskan komuniti. Penekanan diberikan kepada keberkesanan strategi pelaksanaan, termasuk kaedah penyampaian dan pemilihan kumpulan sasaran yang bersesuaian. Pendekatan program diselaraskan dengan keperluan sosioekonomi komuniti setempat bagi menyokong pemindahan ilmu yang bersifat mampan dan berimpak sosial. *This course covers the planning, implementation and evaluation of agribusiness extension programmes with communities. Emphasis is placed on the effectiveness of implementation strategies, including appropriate delivery methods and the selection of suitable target groups. The programme is aligned with the socioeconomic needs of the community to ensure sustainable knowledge transfer with social impact.*

SAB2910 Projek Keusahawanan Tani / *Agricultural Entrepreneurship Project* 4(3+1)

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi latihan amali dalam pengurusan projek keusahawanti. Pelajar dikehendaki memilih dan melaksanakan projek perniagaantani serta menghantar laporan komprehensif setelah projek tamat.

This course provides practical training in agro-entrepreneurship project management. Students are required to select and implement the agro-entrepreneurship project and submit a comprehensive report upon project completion.

SAB2911 Latihan Industri/ *Industrial Training* 6(0+6)

Prasyarat: Tiada

Kursus ini melibatkan penempatan latihan industri selama 12 minggu di organisasi sektor awam atau swasta bagi membolehkan pelajar menerapkan ilmu secara praktikal dalam persekitaran pekerjaan sebenar. Pelajar akan melaksanakan tugas yang mencabar, memahami peranan dalam organisasi, dan bekerjasama dengan warga kerja serta pihak berkepentingan dalam menyelesaikan projek yang autentik. Penekanan turut diberikan kepada pembangunan sikap profesional, kefahaman sosial ekonomi organisasi, dan kesedaran terhadap pembangunan mampan. *This course involves a 12-week industrial placement in public or private sector organisations, allowing students to apply knowledge practically in real workplace environments. Students will carry out challenging tasks, understand roles within organisations, and collaborate with staff and stakeholders to complete authentic projects. Emphasis is also placed on the development of professional attitudes, understanding of socio-economic dynamics, and awareness of sustainable development.*

SHD2001 Pengenalan Pembangunan Manusia / *Introduction to Human Development* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi penekanan kepada konsep dan falsafah pembangunan manusia dengan menggunakan pendekatan ekologi dan bersifat holistik. Faktor berkaitan dan isu yang boleh menggalakkan kesejahteraan serta pembangunan mampan individu, keluarga, organisasi dan komuniti dibincangkan.

This course emphasizes the concepts and philosophies of human development using ecological and holistic approaches. It discusses factors and issues that can enhance the well-being and sustainable development of individuals, families, organizations, and communities.

SHD2002 Asas Penyelidikan Sains Sosial / *Basic Research for Social Science* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan konsep asas penyelidikan dalam bidang sains sosial merangkumi sumber ilmu, pendekatan penyelidikan serta proses saintifik dalam pembentukan kajian. Kursus ini turut memberi pendedahan kepada kaedah pengumpulan dan analisis data asas menggunakan perisian statistik serta pembangunan cadangan penyelidikan dalam bidang sains sosial.

This course discusses the fundamental concepts of research in the field of social sciences, including sources of knowledge, research approaches, and the scientific process in developing research studies. It also introduces basic data collection and statistical analysis methods using statistical software, as well as the preparation of research proposals in social science research.

SHD2101 Keluarga Dan Keibubapaan / *Family and Parenting* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi fungsi dan peranan keluarga sebagai sebuah institusi, pembentukan keluarga serta interaksi dinamik dalam dan luar sistem keluarga. Proses, pendekatan dan strategi keibubapaan mengikut peringkat perkembangan turut dibincangkan.

This course covers the role and function of a family as an institution, family formation, and the dynamic interactions within and outside the family system. Parenting processes, approaches, and strategies according to developmental stages are also discussed.

SHD2102 Asas Psikologi Kanak-Kanak / *Basic Child Psychology* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkum aspek fizikal, kognitif, sosial, emosi dan ekologi pertumbuhan dan perkembangan manusia dari konsepsi hingga pertengahan zaman kanak-kanak. Perkembangan utama setiap peringkat zaman kanak-kanak dan interaksi mampan antara kanak-kanak dan persekitaran dibincangkan.

This course covers the physical, cognitive, social, emotional, and ecological aspects of human growth and development from conception through middle childhood. Major development of each stage of childhood and the sustainable interaction between the child and the environment are discussed.

SHD2106 Pengantar Psikologi / *Introduction to Psychology* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan konsep dan teori asas psikologi sebagai satu disiplin saintifik yang merangkumi aspek biologi, kognitif, emosi, perkembangan dan tingkah laku manusia. Penekanan diberikan kepada pemahaman prinsip utama dalam bidang psikologi termasuk proses pembelajaran, persepsi, personaliti, motivasi, serta kesihatan mental. Aplikasi konsep psikologi dalam menganalisis dan menangani cabaran kehidupan seharian turut diketengahkan.

This course discusses the fundamental concepts and theories of psychology as a scientific discipline encompassing biological, cognitive, emotional, developmental, and behavioral aspects of human functioning. It emphasizes key psychological principles including learning processes, perception, personality, motivation, and mental health. The application of psychological concepts in analysing and managing everyday life challenges is also highlighted.

SHD2107 Psikologi Kerja / *Psychology of Work* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan konsep dan teori dalam psikologi kerja yang memberi tumpuan kepada tingkah laku individu dan kumpulan dalam persekitaran organisasi. Penekanan diberikan kepada faktor psikologi yang mempengaruhi prestasi, motivasi, kepuasan, kesejahteraan dan keselamatan di tempat kerja. Aplikasi prinsip psikologi dalam meningkatkan keberkesanan organisasi dan kesejahteraan pekerja turut diketengahkan.

This course discusses the concepts and theories in work psychology with a focus on individual and group behaviour within organisational settings. It emphasizes psychological factors influencing performance, motivation, job satisfaction, well-being, and workplace safety. The application of psychological principles in enhancing organisational effectiveness and employee well-being is also highlighted.

SHD2201 Pengembangan Komuniti / *Community Extension* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan kepada pendekatan, strategi dan proses pengembangan komuniti melalui pendidikan tidak formal dalam pelbagai konteks sosial. Kursus ini merangkumi konsep dan amalan pengembangan komuniti, peranan agen pengembangan, pemindahan inovasi serta proses perancangan, pelaksanaan dan penilaian program dalam komuniti.

This course provides an introduction to the approaches, strategies, and processes of community extension through informal education in various social contexts. It covers the concepts and practices of community extension, the roles of extension agents, innovation transfer, and the processes of planning, implementation, and evaluation of community programs.

SHD2202 Asas Pembangunan Komuniti / *Basic Community Development* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi konsep dan pembangunan komuniti serta kaitannya dengan pembangunan lestari. Perkaitan pembangunan komuniti mampan dengan penderiaupayaan, kesejahteraan dan kualiti hidup juga dibincangkan.

This course covers the concepts and development of community, and its relationship to sustainable development. The relationship between sustainable community development and empowerment, well-being and quality of life are also discussed.

SHD2203 Perancangan Program Pembangunan Manusia / *Human Development Programme Planning* 3(3+0)

Prasyarat :

Kursus ini merangkumi proses utama dalam merancang dan menilai program pembangunan manusia. Penekanan diberikan kepada definisi, fungsi dan langkah-langkah dalam proses perancangan program dalam pembangunan manusia. Teknik penulisan dan penilaian cadangan program pembangunan juga dibincangkan.

This course encompasses the main processes in planning and evaluating human development programmes. Emphasis is given on the definitions, functions and steps in the planning process of human development programmes. Writing and evaluation techniques of a developmental programme proposal are also discussed.

SHD2204 Asas Kepimpinan Dalam Pembangunan Manusia / *Basic Leadership in Human Development* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan teori dan konsep asas kepimpinan dalam konteks pembangunan manusia. Jenis dan gaya kepimpinan, peranan pemimpin dalam pembangunan individu dan komuniti, serta cabaran asas yang dihadapi dalam proses kepimpinan akan ditekankan.

This course introduces the fundamental theories and concepts of leadership in the context of human development. It emphasizes different types and styles of leadership, the role of leaders in the development of individuals and communities, as well as the basic challenges faced in the leadership process.

SHD2301 Asas Kerja Sosial / *Basic Social Work* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pemahaman terhadap kerja sosial sebagai satu profesion. Kaitan antara kerja sosial dengan kebajikan sosial dan masalah sosial. Pengetahuan asas praktis kerja sosial di peringkat individu, kumpulan dan komuniti juga dibincangkan.

The course encompasses the understanding of a social work as profession. The relationship between social work profession with social welfare and social problems. Basic knowledge in social work practice with individual, group and community also discussed.

SHD2401 Pengantar Sosiologi Dan Antropologi / *Introduction to Sociology and Social Anthropology* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi perspektif sosiologi dan antropologi untuk memahami dialektik antara diri (individu) dan masyarakat. Ia memberi tumpuan kepada konsep dalam bidang Sosiologi dan Antropologi serta aplikasi dalam mentafsir fenomena sosial.

This course covers sociological and anthropological perspectives in understanding the dialectic between self (individual) and society. It focuses on the concepts in Sociology and Anthropology and their applications in interpreting social phenomena.

SHD2501 Bimbingan Dan Penasihatn / *Guidance and Advising* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan konsep, falsafah, matlamat dan prinsip asas dalam bimbingan dan penasihat termasuk aspek etika profesional. Penekanan diberikan kepada proses, strategi dan kemahiran dalam pelaksanaan bimbingan dan penasihat merentas pelbagai peringkat perkembangan dan konteks. Aplikasi amalan bimbingan dalam situasi formal dan tidak formal turut diketengahkan.

This course discusses the fundamental concepts, philosophy, goals, and principles of guidance and advising, including professional ethical considerations. It emphasizes the processes, strategies, and skills involved in the implementation of guidance and advising across various developmental stages and contexts. The application of guidance practices in both formal and informal settings is also highlighted.

SHD2601 Pemakanan Dan Kesihatan / *Nutrition and Health* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip pemakanan dan kesihatan serta penggunaannya dalam perancangan diet sihat. Tumpuan diberikan kepada masalah kekurangan dan kelebihan pemakanan, penyakit yang berkaitan dengan gaya hidup serta kaedah untuk mengelakkan risiko penyakit melalui pemilihan makanan yang bijak. Pendekatan holistik pemakanan dan kesihatan diberi penekanan.

This course covers the principles of nutrition and health and their use in healthy diet planning. Focus is given on the problems of under nutrition and over nutrition, diseases related to the lifestyle as well as prevention of risk factors of disease through proper selection of foods. Holistic approaches in nutrition and health are emphasized.

SHD2602 Asas Biologi Manusia Dan Alam Sekitar / *Fundamentals of Human Biology and the Environment* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan kepada konsep asas biologi yang berkaitan dengan struktur, fungsi dan perkembangan manusia. Kursus ini merangkumi prinsip biologi meliputi organisasi sel, sistem tubuh, genetik, pertumbuhan serta keseimbangan fisiologi dalam konteks manusia dan persekitaran. Penekanan turut diberikan kepada interaksi antara manusia dan persekitaran serta isu berkaitan populasi dan ekologi manusia.

This course provides an introduction to fundamental biological concepts related to human structure, function, and development. It covers core biological principles including cellular organization, body systems, genetics, growth, and physiological balance within the context of humans and their environment. Emphasis is also given to human-environment interactions as well as issues related to population and human ecology.

SHD2603 Kesihatan Persekitaran / *Environmental Health* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi aspek kesihatan dan persekitaran (fizikal, biologi, kimia dan sosial) dan hubungkait antara kedua-duanya. Masalah kesihatan fizikal, mental dan sosial yang berkaitan dengan gaya hidup dan persekitaran serta kepentingan pembangunan lestari dalam pencegahan dan pengawalan masalah kesihatan persekitaran juga dibincangkan.

This course encompasses the aspect of health and environment (physical, biological, chemical and social) and the interaction between them. Physical, mental and social health problems associated with life style and environment as well as the importance of sustainable development in prevention and control of environmental health problem are also discussed.

SHD2701 Pembangunan Keusahawanan / *Entrepreneurial Development* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep, kompetensi usahawan dan kepentingan keusahawanan dalam konteks pembangunan negara. Perbincangan mengenai sesebuah perniagaan dari aspek pengurusan, pemasaran, pengeluaran dan operasi, personel dan pengurusan kewangan diberi penekanan.

This course encompasses the concepts, entrepreneur competency and the importance of entrepreneurship in the context of national development. Discussion about the aspects of managerial, marketing, production and operation, personnel and financial management are emphasized.

SHD2702 Pengurusan Ekonomi Keluarga / *Family Economics Management* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep, prinsip dan teori ekonomi serta aplikasinya dalam kehidupan keluarga. Proses pengurusan sumber keluarga dan faktor yang mempengaruhi keteguhan ekonomi keluarga serta hubungkaitnya dengan kesejahteraan keluarga juga dibincangkan.

This course encompasses the economics concepts, principles and theories and its application in family life. The management process of family resources and factors influencing family economics and its relationship with family well being are also discussed.

SHD2801 Asas Komputer / *Computer Fundamentals* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas teknologi maklumat dan aplikasi komputer dalam menguruskan aktiviti harian. Penggunaan perisian automasi pejabat, pembangunan laman web dan isu-isu semasa berkaitan pengkomputeran dibincangkan.

This course encompasses the basic concept of information technology and computer applications in managing daily life. The use of office automation software, website development and current issues related to computing are discussed.

SHD2802 Komunikasi Interpersonal Dalam Pembangunan Manusia /
Interpersonal Communication in Human Development 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan kepada teori dan konsep asas komunikasi interpersonal dalam konteks pembangunan manusia. Kursus ini merangkumi prinsip komunikasi berkesan dalam hubungan individu, keluarga dan komuniti, termasuk aspek interaksi lisan dan bukan lisan, empati serta pengurusan konflik dalam hubungan interpersonal.

This course provides an introduction to the theories and fundamental concepts of interpersonal communication in the context of human development. It covers the principles of effective communication in individual, family, and community relationships, including verbal and non-verbal interaction, empathy, and conflict management in interpersonal contexts.

SHD2901 Latihan Industri / *Industrial Training* 6(0+6)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan kepada persekitaran kerja yang sebenar di organisasi. Latihan merangkumi aplikasi aspek teori dan praktikal untuk menyokong kesejahteraan manusia dengan penekanan amalan mampan. Kemahiran menyelesaikan masalah serta berkomunikasi secara profesional dan beretika turut diberi penekanan.

This course exposes students to the real working environment in organizations. The training covers the application of both theoretical and practical aspects to support human well-being, with an emphasis on sustainable practices. Problem-solving skills, as well as professional and ethical communication, are also emphasized.

SHD2998 Projek Tahun Akhir / *Final Year Project* 4(0+4)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi perlaksanaan penyelidikan berkaitan bidang pembangunan manusia dalam kajian sains sosial yang dijalankan selama satu semester. Kajian dalam bidang pembangunan manusia yang berkaitan ekonomi, sosial dan persekitaran ditekankan bagi kesejahteraan sejagat.

This course covers the conduct of research in the field of human development in social science studies for one semester. Research in human development related to economy, society, and environment are highlighted for overall well-being.

SHD2103 Tekanan Dan Daya Tindak / Stress and Coping 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas tekanan dan daya tindak dalam pelbagai konteks. Analisis perbandingan teknik pengurusan tekanan dan pengurusan gaya hidup sihat personal yang holistik diberi penekanan.

This course covers the basic concepts of stress and coping in various contexts. Comparative analyses on holistic stress management techniques and personal healthy lifestyle management are emphasized.

SHD2104 Psikologi Hubungan Interpersonal / Psychology of Interpersonal Relationships 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkum prinsip, konteks, pemikiran dan proses tingkah laku interpersonal dari perspektif psikologi. Pengaruh hubungan interpersonal, aplikasi kemahiran interpersonal dan pengurusan konflik dalam interaksi manusia dibincangkan.

This course covers the principles, context, interpersonal thoughts, and the process of behaviour from a psychological perspective. The influence of interpersonal relationships, the application of interpersonal skills, and conflict management in human interaction are discussed.

SHD2105 Kanak-Kanak Kurang Upaya Dan Kanak-Kanak Bestari / Disabled and Gifted Children 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memfokus kepada definisi dan tahap perkembangan kanak kanak kurang upaya dan kanak-kanak bestari dalam pelbagai aspek. Masalah, teknik penaksiran psiko-pendidikan, strategi pencegahan kecelaruan kanak-kanak, intervensi dan sokongan dibincangkan.

This course focuses on the definitions of disabled and gifted children and their developmental stage. Problems and psycho-educational assessment techniques, strategies of preventing childhood disorders, interventions and supports are discussed.

SHD2108 Motivasi Dan Psikologi Organisasi / Motivation and Organizational Psychology 2(2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep, prinsip, teori dan aplikasi motivasi serta psikologi organisasi. Perkaitan antara motivasi dan pembangunan manusia, serta pembangunan sendiri dan pengendalian sumber manusia dalam organisasi, diberi penekanan.

This course covers concepts, principles, theories, and applications of motivation and organizational psychology. The relationship between motivation and human development, as well as self-development and human resource management in organizations, is emphasized.

SHD2302 Institusi Dan Sistem Perkhidmatan Sosial / Social Institutions and Social Services System 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus merangkumi pengertian, bentuk, fungsi dan hubungkait institusi sosial dengan kebajikan sosial. Penekanan diberikan ke atas peranan institusi ekonomi, institusi politik, institusi agama, institusi keluarga dan perkahwinan, institusi pendidikan, dan institusi perubatan dalam penyediaan perkhidmatan sosial.

The course encompasses the meaning, form, function and the interrelations of social institutions with social welfare. Emphasis is on the functions of economic institution, political institution, religious institution, family and marriage institution, educational institution and medical institution in the provision of social services.

SHD2303 Praktis Kerja Sosial Di Malaysia / *Social Work Practice in Malaysia* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi sejarah dan perkembangan kerja sosial di Malaysia. Praktis kerja sosial, fungsi agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan yang terlibat dalam kerja sosial serta masa depan kerja sosial di Malaysia juga dibincangkan.

This course encompasses the history and development of social work in Malaysia. Social work practice, functions of government agencies and non-government agencies involved in social work as well as the future of social work practice in Malaysia are also discussed.

SHD2703 Kemahiran Pengurusan Kewangan / *Financial Management Skills* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan kepentingan pengurusan kewangan dengan penekanan kepada pembangunan keupayaan dalam pengurusan sumber kewangan secara berkesan dan berhemah. Perbincangan meliputi dimensi perancangan, pengawalan dan perlindungan kewangan ke arah pemahaman pengurusan kewangan isi rumah dalam sistem kewangan konvensional dan Islam.

This course covers the concepts and importance of financial management with emphasis on the development of capabilities in effective and prudent financial resource management. The content includes dimensions of financial planning, control and protection towards understanding household financial management within conventional and Islamic financial systems.

SHD2704 Konsep Dan Prinsip Pemasaran / *Concepts and Principles of Marketing* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan prinsip asas pemasaran dalam organisasi. Penekanan diberi kepada implikasi strategi pemasaran dan faktor persekitaran yang mempengaruhi kegiatan pemasaran.

This course encompasses basic principles and concepts of marketing in organization. Emphasis is given on implications of marketing strategy and environmental factors that influenced marketing activities.

SMG2810 Komputer dan Teknologi Digital/*Computer and Digital Technology* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pengetahuan asas berkaitan teknologi digital dan penggunaannya dalam pelbagai konteks pengurusan dan aplikasi. Penekanan diberikan kepada kefahaman sistem dan perisian yang menyokong tugas harian.

This course covers fundamental knowledge of digital technology and its applications in various management and operational contexts. Emphasis is placed on understanding systems and software that support daily tasks.

SMG2110 Prinsip Pengurusan/*Principle of Management* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip teknik pengurusan dalam sesebuah organisasi. Proses perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan untuk mencapai matlamat organisasi dengan cekap dan berkesan diberi penekanan.

This course covers the principles and techniques of management in an organization. The planning, organizing, leading and controlling processes used to achieve an organization's goals effectively and efficiently are emphasized.

SMG2115 Pengurusan Strategik/*Strategic Management* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi proses dan kaedah pengurusan strategik dalam sesebuah organisasi. Analisis kaedah pembuatan keputusan strategik dan kajian kes diberi penekanan.

This course covers the processes and methods of strategic management within an organization. The analysis of strategic decision-making methods and case study are emphasized.

SMG2114 Pengurusan Operasi/*Operation Management* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan aspek strategik pengurusan operasi dan hubungannya dengan fungsian lain dalam perniagaan. Peranan teknologi dan kaedah kuantitatif dalam pengurusan perniagaan juga diberi penekanan.

This course covers the strategic aspects of operations management and interfaces with other functional areas in business. The role of technology and quantitative methods in business management is emphasized.

SMG2811 Komunikasi Perniagaan/*Business Communication* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi fungsi dan kepentingan komunikasi dalam dunia perniagaan. Tumpuan diberikan kepada aspek manusia dengan penekanan terhadap strategi dan teknik komunikasi yang berkesan untuk mencapai matlamat organisasi.

This course encompasses the functions and importance of communication in the business world. Focus is on the human aspects with emphasis on effective communication strategies and techniques to achieve the organisational goal.

SMG2511 Pengurusan Kewangan/*Financial Management* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep pengurusan kewangan, nilai masa wang, risiko dan pulangan, kos modal, dan teknik belanjawan modal untuk mengurus sumber kewangan.

This course covers the concepts of financial management, time value of money, risk and return, cost of capital, and the technique of capital budgeting for managing financial resources.

SMG2510 Perakaunan Pengenalan/*Introductory Accounting* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas perakaunan, penyediaan penyata kewangan perniagaan milikan tunggal dan penggunaan maklumat perakaunan dalam perniagaan.

This course covers fundamental concepts of accounting, preparation of financial statements of sole proprietorship and the use of accounting information in business.

SMG2612 Analitik Perniagaan/*Business Analytics* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas, alat dan aplikasi analitik perniagaan dalam organisasi moden. Pentafsiran data perniagaan bagi pembuatan keputusan diberi penekanan.

This course covers the fundamental concepts, tools, and applications of business analytics in modern organisations. Interpretation of the business data for decision-making is emphasized.

SMG2610 Prinsip Ekonomi/*Principles of Economics* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi teori asas mikroekonomi dan makroekonomi. kursus ini turut menekankan hubungan antara teori ekonomi dengan isu-isu semasa seperti kenaikan harga barang, ketidaksamaan pendapatan, kemiskinan, kestabilan kewangan, dan pembangunan ekonomi.

This course covers the fundamental theories of microeconomics and macroeconomics. It also emphasizes the relationship between economic theory and contemporary issues such as rising prices, income inequality, poverty, financial stability, and economic development.

SMG2611 Matematik Perniagaan/*Business Mathematics* 4(4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan aplikasi matematik yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah perniagaan secara bebas. Kaedah matematik asas dalam menyelesaikan masalah kewangan dan ekonomi dalam perniagaan diberi penekanan.

This course introduces students to the mathematical concepts and applications necessary in independently solving business problems. Basic mathematical methods in solving problems finance and economics in business are emphasized.

SMG2113 Perniagaan Antarabangsa/*International Business* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pelbagai bidang fungsian pengurusan dalam mengurus perniagaan antarabangsa. Analisis dan pilihan strategi kemasukan di peringkat antarabangsa juga diberi penekanan.

This course covers various management functional areas in managing international business. Analysis and selection of entry strategy at the international level are emphasized.

SMG2310 Prinsip Pemasaran/*Principles of Marketing* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip pemasaran dalam proses pembuatan keputusan perniagaan. Kepentingan elemen campuran pemasaran dan strategi pemasaran juga diberi penekanan.

This course covers the managerial approach in understanding marketing decision making. Knowledge on developing the marketing mix and marketing strategies is emphasized.

SMG2111 Etika Perniagaan/*Business Ethics* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan isu etika pekerjaan perniagaan yang dihadapi oleh organisasi. Cabaran pekerja dalam mengimbangi tanggungjawab ekonomi, sosial dan etika apabila berurusan dengan pelbagai pemegang taruh dibincangkan.

This course discusses the business ethics issues faced by the organization. Employee challenges in balancing economic, social and ethical responsibilities when dealing with various stakeholders are discussed.

SMG2314 Kejurujualan/*Salesmanship* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi asas dan strategi kejurujualan dalam proses penjualan profesional. Pengendalian analisis keperluan pelanggan untuk mewujudkan penjualan juga diberi penekanan.

This course covers the foundation and strategy of salesmanship in professional selling process. The implementation of customer need analysis to create sales situation is also emphasized.

SMG2313 Pemasaran Digital/Digital Marketing 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menyediakan pelajar asas perniagaan, komunikasi Internet, penyelidikan pasaran, pemasaran digital, e-dagang, keselamatan maklumat dan etika teknologi secara berkesan.

This course covers business fundamentals, internet communication, market research, digital marketing, e-commerce, information security and ethical technology use today effectively.

SMG2312 Gelagat Pengguna/Consumer Behaviour 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkum kesan gelagat pengguna dalam mempengaruhi keputusan perniagaan dan masyarakat secara keseluruhannya. Ia termasuk pengaruh dalaman dan luaran serta identiti pengguna sendiri.

This course encompasses the effect of consumer behaviour in influencing business decision and the society as a whole. It includes internal and external influences as a consumers' identity.

SMG2315 Pengurusan Rantaian Bekalan/Supply Chain Management 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip teknik pengurusan dalam sesebuah organisasi. Proses perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan untuk mencapai matlamat organisasi dengan cekap dan berkesan diberi penekanan.

This course covers the principles and techniques of management in an organization. The planning, organizing, leading and controlling processes used to achieve an organization's goals effectively and efficiently are emphasized.

SMG2411 Gelagat Organisasi/Organisational Behaviour 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi gelagat individu, kumpulan dan organisasi serta menekankan kesannya terhadap keberkesanan, motivasi, kepimpinan dan prestasi kerja.

This course covers individual, group and organizational behavior, emphasizing effects on effectiveness, motivation, leadership, teamwork and overall work performance outcomes.

SMG2410 Pengurusan Sumber Manusia/Human Resource Management 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi peranan, amalan dan strategi pengurusan sumber manusia bagi meningkatkan keberkesanan organisasi, pembangunan pekerja, kepimpinan, hubungan industri serta pematuhan undang-undang kerja secara menyeluruh.

This course covers roles, practices and strategies of human resource management to enhance organizational effectiveness, employee development, leadership, industrial relations and compliance with labor laws comprehensively.

SHD2203 Perancangan Program Pembangunan Manusia/Human Development Programme Planning 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi proses utama dalam merancang dan menilai program pembangunan manusia. Penekanan diberikan kepada definisi, fungsi dan langkah-langkah dalam proses perancangan program dalam pembangunan manusia. Teknik penulisan dan penilaian cadangan program pembangunan juga dibincangkan.

This course covers the key processes involved in planning and evaluating human development programmes. Emphasis is placed on the definitions, functions, and stages of the programme planning process in human development. Techniques for writing and evaluating human development programme proposals are also discussed.

SMG2412 Asas Keselamatan Pekerjaan/*Basics of Occupational Safety* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pengetahuan dalam keselamatan pekerjaan. Isu semasa dan garis panduan pengurusan keselamatan pekerjaan diberi penekanan.

This course covers the knowledge in occupational safety. Current issues and management guidelines of occupational safety are emphasized.

SMG2910 Projek Keusahawanan/*Entrepreneurship Project* 3(3+0)

Prasyarat : Prinsip Pemasaran (SMG2310)

Kursus ini merangkumi komponen utama dalam aspek perniagaan yang melibatkan aktiviti perniagaan sebenar berskala kecil. Kompetensi keusahawanan dan pembudayaan keusahawanan ditekankan.

This course covers the key components of the business aspects involving small-scale real business. Entrepreneurial competencies and inculcating entrepreneurship are emphasized.

SMG2211 Teknologi Keusahawanan/*Technology Entrepreneurship* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi aspek teknologi inovatif dalam keusahawanan dan usahaniaga baharu. Pembangunan organisasi berteknologi, strategi inovatif dan inovasi terbuka diberi penekanan.

This course covers the aspects of innovative technology in entrepreneurship and new ventures. Development of tech organizations, innovative strategies and open innovations is emphasized

SMG2112 Undang-Undang Perniagaan/*Business Law* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip undang-undang berkaitan penubuhan dan pengurusan sesuatu perniagaan. Penekanan diberikan kepada sistem perundangan malaysia, undang-undang kontrak dan syarikat.

This course encompasses the principle of law relating to the establishment and management of business emphasis is given to the Malaysia legal system, contract and company laws.

SMG2210 Kemahiran asas usahawan/*Skills for Entrepreneurs* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pelbagai aspek kemahiran asas perniagaan yang diperlukan oleh usahawan. Pembangunan idea perniagaan dan pembentangan penganggulan perniagaan yang efektif diberi penekanan.

This course covers various basic aspects of business skills required by entrepreneurs. The development of business ideas and effectiveness in the presentation of business pitching are emphasized.

SMG2911 Latihan Industri/ *Practical Training* 6(0+6)

Prasyarat : Tiada

Melalui kursus ini, pelajar didedahkan kepada persekitaran kerja yang sebenar di industri/organisasi. Latihan merangkumi aplikasi aspek teori dan praktikal yang telah dipelajari dengan amalan semasa di tempat kerja. Penyelesaian masalah dan kolaborasi dalam kumpulan turut diberi penekanan.

In this course, students are exposed to real working environment in industries/organizations. Training includes application of the theoretical and practical aspects that have been studied with current practices in the workplace. Problem solving and team collaboration are also emphasized.

Kursus Tawaran Fakulti Lain

1. FAKULTI SAINS PERTANIAN DAN PERHUTANAN / FACULTY OF AGRICULTURAL AND FORESTRY SCIENCES

FDS2506 Teknologi Akuakultur / *Aquaculture Technology* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan pengurusan akuakultur berdasarkan penggunaan teknologi semasa. Pelajar turut didedahkan dengan teknik penetasan, semaian dan pengurusan ternakan akuakultur. Peranan teknologi akuakultur dalam pembangunan pelbagai perniagaan bersama industri turut didedahkan.

This course covers the concept and management of aquaculture based on the use of current technology. Students are also exposed to hatchery, nursery and aquaculture livestock management techniques. The role of aquaculture technology in the development of business opportunities with the industry is also revealed.

DAG2105 Pengeluaran Tanaman Industri / *Industrial Crop Production* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip dan amalan dalam pengurusan tanaman industri. Faktor yang mempengaruhi tumbesaran tanaman seperti tanah, cahaya, air, nutrien, perosak dan penyakit diberi penekanan. Amalan perladangan mesra alam turut diberi perhatian.

This course covers principles and practices in managing industrial crops. Factors that influence crop growth such as soil, light, water, nutrients, pests and diseases are emphasised. Environment-friendly plantation practices are also addressed.

DAG2106 Pengeluaran Tanaman Makanan / *Food Crop Production* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip dan amalan pengurusan tanaman makanan dengan tumpuan kepada keperluan prasarana berkaitan pembiakan, semaian, pengurusan tanah dan tanaman, sistem penanaman, penyelenggaraan, penuaian dan pengendalian hasil tanaman makanan penting. Pensijilan Amalan Pertanian Baik, pertanian lestari dan keselamatan makanan turut dibincangkan.

This course covers principles and practices in food crops management focusing on infrastructure requirements related to propagation, nursery, soil and crops management, planting systems, maintenance, harvesting and handling of important food crops. Good Agriculture Practices certification, sustainable agriculture and food safety are also discussed.

DAG2114 Pengeluaran dan Pemprosesan Hasil Ternakan / *Livestock Production and Processing* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi produksi ternakan ruminan dan bukan ruminan secara ekstensif dan intensif, kepentingan industri ternakan, kaedah penternakan moden, serta pengendalian dan pemprosesan hasil ternakan. Penekanan diberi kepada amalan penternakan baik dalam pengeluaran ternakan.

This course covers extensive and intensive ruminant and non-ruminant livestock production, the importance of animal industry and modern livestock husbandry, and handling and processing of livestock products. Emphasis is on good husbandry practices in livestock production.



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
EST. 1984

**PEJABAT PENTADBIRAN
AKADEMIK DAN ANTARABANGSA**
ACADEMIC AND INTERNATIONAL ADMINISTRATIVE OFFICE
مكتب قنديران اكاڤميك دان انتارابangsa

